




eISSN 2716-6813

9 772716 681002

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 6 | 2022



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 6 | 2022

Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan (AES) 2022 bermula dari 15 April 2022 sehingga 30 September 2022.

DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini.

Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Penerbitan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan

https://bit.ly/PocketStatsS1_2022.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun.

Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the world with data we can trust*”

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia
Blok C6, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook : www.facebook.com/StatsMalaysia
Twitter : <http://twitter.com/StatsMalaysia>
Instagram : <http://instagram.com/StatsMalaysia>

Diterbitkan pada 29 Jun 2022.

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

eISSN 2716-6813

KANDUNGAN

02	TINTA KETUA PERANGKAWAN	
04	PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN	
08	SOROTAN PENTING	
10	BAROMETER EKONOMI	
11	PERSPEKTIF KESELURUHAN	
13	RENCANA	33
21	SNAPSHOT	37
22	PERTANIAN	41
27	INDUSTRI DAN PEMBUATAN	45
29	PERKHIDMATAN	48
		62
		63
		SEKTOR LUARAN
		SENARIO BURUH
		HARGA
		WAY FORWARD
		INDIKATOR EKONOMI
		AHLI MESR
		PENGHARGAAN

Saya amat berbesar hati mengalu-alukan pembaca baharu dan yang sedia ada ke siri keenam Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) bagi tahun 2022. Penerbitan ini bermatlamat bagi memastikan semua pengguna sentiasa mendapat perkembangan senario sosioekonomi terkini melalui garapan secara analitikal petunjuk statistik jangka pendek yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). MESR siri 6/2022 memaparkan indikator sosioekonomi bagi April 2022 dengan beberapa sorotan mengenai statistik yang akan datang bagi bulan Mei 2022. Selain itu, kajian mengenai potensi kesan pembolehubah makroekonomi terhadap pasaran saham di Malaysia juga dipaparkan dalam artikel bertajuk “Kesan Faktor Makroekonomi Terhadap Pasaran Saham: Kajian Empirikal di Malaysia”.

Lebih daripada dua tahun selepas krisis kesihatan global yang belum pernah berlaku sebelum ini yang telah mengubah landskap sosioekonomi dunia secara ketara, kebanyakan negara sedang melaksanakan proses pemulihan berterusan melalui inisiatif strategi keluar yang lebih meluas bertujuan mengembalikan daya saing perniagaan dan meningkatkan kesihatan rakyat. Walaupun orang ramai mula menyesuaikan diri dengan kehidupan fasa endemik, ancaman baharu muncul dalam bentuk gangguan rantaian bekalan akibat ketegangan geopolitik yang berterusan antara Russia dan Ukraine; keadaan cuaca yang tidak menentu; dan permintaan yang meningkat berikutan pelonggaran sekatan berkaitan kesihatan di kebanyakan negara.

Pada April 2022, Malaysia telah memasuki fasa peralihan kepada endemik yang antara lain melibatkan pelonggaran beberapa lagi sekatan dan pembukaan semula sempadan antarabangsa negara. Pada masa yang sama, umat Islam turut menyambut bulan Ramadan yang mulia dan persiapan menyambut hari raya Aidilfitri pada bulan seterusnya mendorong peningkatan dalam operasi Makanan & minuman, Pengangkutan dan penyimpanan serta aktiviti Runcit. Oleh itu, nilai jualan perdagangan Borong & runcit pada bulan tersebut terus meningkat dengan mencatatkan pertumbuhan 15.2 peratus tahun ke tahun kepada RM128.0 bilion. Melihat kepada prestasi makroekonomi negara pada April 2022, jumlah perdagangan Malaysia mengekalkan pertumbuhan tahunan dua digit pada 21.3 peratus kepada RM231.4 bilion. Eksport meningkat 20.7 peratus kepada RM127.5 bilion manakala import berkembang 22.0 peratus kepada RM103.9 bilion. Imbangan dagangan meningkat 15.7 peratus dan terus kekal dalam lebihan pada RM23.5 bilion.

Berdasarkan sudut pengeluaran, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) mengekalkan momentum positif pada April 2022, mencatatkan pertumbuhan 4.6 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya berikutan pengembangan kedua-dua output berorientasikan luaran dan domestik. Prestasi ini disumbangkan terutamanya oleh indeks Pembuatan yang mencatatkan 6.2 peratus diikuti oleh kenaikan 1.5 peratus oleh indeks Elektrik. Sejajar itu, jualan Pembuatan meningkat 13.2 peratus kepada RM147.9 bilion, dipacu oleh Produk elektrik & elektronik; Produk makanan, minuman & tembakau; dan Produk petroleum, kimia, getah & plastik.

Dari segi harga, Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 2.3 peratus kepada 125.9 berbanding April 2021, melebihi purata pertumbuhan IHP sebanyak 1.9 peratus bagi tempoh 2011 hingga April 2022. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh lonjakan dalam IHP Makanan & minuman bukan alkohol sebanyak 4.1 peratus berikutan permintaan yang meningkat pada bulan Ramadan, terutamanya daripada pemain utama dalam industri makanan seperti katering, hotel dan bazar. Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) yang mengukur harga barang di pintu masuk kilang mengekalkan peningkatan dua digit sebanyak 11.0 peratus pada April 2022, dengan kenaikan IHPR direkodkan dalam semua sektor. Pada masa yang sama, tenaga buruh terus mengukuh sebanyak 2.5 peratus berbanding bulan yang sama pada 2021 kepada 16.50 juta orang. Oleh itu, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) meningkat 0.8 mata peratusan kepada 69.5 peratus. Penduduk bekerja meningkat 3.3 peratus kepada 15.85 juta orang manakala situasi pengangguran terus bertambah baik dengan bilangan penganggur berkurangan sebanyak 93.4 ribu orang kepada 649.3 ribu orang. Sehubungan itu, kadar pengangguran susut 0.7 mata peratusan tahun ke tahun kepada 3.9 peratus.

Tinjauan bagi bulan Mei 2022, cuti umum dan hujung minggu dipenuhi dengan aktiviti sosial dan rekreasi apabila orang ramai memanfaatkan sambutan Aidilfitri untuk bertemu, mengadakan perjumpaan bersama keluarga dan rakan-rakan serta mengunjungi destinasi pelancongan tempatan yang menarik. Melihat ke hadapan, pembukaan semula sempadan antarabangsa diharap dapat memulihkan semula kerugian yang dialami sektor pelancongan sejak dua tahun lalu; dan seterusnya, meningkatkan kembali pertumbuhan sektor ini. Sejak April, pelancong terus berpusu-pusu masuk dari negara lain dengan lebih setengah juta ketibaan antarabangsa didaftarkan pada April 2022 manakala Mei telah menyaksikan 1.03 juta ketibaan, terutamanya dari rantau Asia iaitu India, Philippines, Singapore, Thailand dan Saudi Arabia¹.

¹ Kenyataan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, New Straits Times, 21 Jun 2022 <https://www.nst.com.my/news/nation/2022/06/806944/ministry-increases-years-tourist-arrival-target-45-million>

Walau bagaimanapun, negara perlu berwaspada berikutan aspek keselamatan makanan menjadi perhatian utama di peringkat masyarakat global. Disebalik penekanan yang berterusan diberikan untuk membendung COVID-19, cabaran kesihatan lain seperti cacar monyet pula telah muncul. Sehubungan itu, Indeks Pelopor (IP) pada April 2022 menandakan prestasi pemulihan ekonomi yang lebih baik pada masa hadapan, merekodkan 110.8 mata kepada pertumbuhan yang lebih baik sebanyak negatif 0.5 peratus tahun ke tahun selepas menyusut 1.4 peratus pada Mac 2022. Manakala IP merosot 0.5 peratus bulan ke bulan, IP terlicin secara konsisten melebihi arah aliran jangka panjang dan mencatatkan mata indeks yang lebih baik. Oleh yang demikian, pemulihan ekonomi diharap kekal dalam jajaran pemulihan dengan trend yang lebih baik walaupun dalam keadaan ketidaktentuan global.

Diharapkan laporan MESR ini memberi manfaat kepada semua segmen pengguna termasuk sektor awam dan swasta, institusi penyelidikan, ahli akademik dan individu. Saya dengan rendah hati mengalu-alukan sebarang maklum balas dan pandangan untuk menambah baik keluaran laporan ini pada masa hadapan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan (AES) 2022 bermula dari 15 April 2022 sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM turut mengeluarkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperolehi daripada portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022.


Terima Kasih


DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Jun 2022

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

**SOROTAN
STATISTIK**
EKONOMI MALAYSIA





PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

**SOROTAN
STATISTIK**
EKONOMI MALAYSIA



Pengumuman
PKP oleh Menteri
Kanan Keselamatan

Pada 27 April 2021

- PKPP: 29 April - 17 Mei 2021**
Perlis, Kedah (kecuali daerah Kuala Muda), Perak,彭亨, Terengganu, WP Putrajaya, Negeri Sembilan (kecuali daerah Seremban), Melaka dan WP Labuan.
- PKPB: 29 April - 6 Mei 2021**
-Selangor
- PKPB: 29 April - 6 Mei 2021**
-WP Kuala Lumpur
- PKP: 29 April - 17 Mei 2021**
-Kelantan

Pada 4 Mei 2021

- PKPB: 6 - 17 Mei 2021**
daerah Sabak Bernam, Hulu Selangor and Kuala Selangor.
- PKP: 6 - 17 Mei 2021**
daerah Hulu Langat, Petaling, Gombak, Klang, Kuala Langat, dan Sepang.

Pada 5 Mei 2021

- PKP: 7 - 20 Mei 2021**
-WP Kuala Lumpur

Pada 26 April 2021



PKP 2021


Pada 12 April 2021

- PKPP 15 - 28 April 2021**
Perlis, Kedah (kecuali daerah Kuala Muda), Perak,彭亨, Terengganu, WP Putrajaya, Negeri Sembilan (kecuali daerah Seremban), Melaka, Sabah (kecuali daerah Lahad Datu, Tawau dan Keningau) dan WP Labuan.

Pada 13 April 2021

- PKP 15 - 28 April 2021**
Kedah (daerah Kuala Muda), Pulau Pinang, Kelantan (daerah Gua Musang), Selangor, WP Kuala Lumpur, Negeri Sembilan (daerah Seremban) dan Johor.
- PKP 15 - 28 April 2021**
Sabah (daerah Lahad Datu, Tawau dan Keningau).

Pada 22 Mei 2021



- PKP 3.0 : 1-14 Jun 2021**
Penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau 'total lockdown' Fasa Pertama di seluruh Negara.
- PKP 3.0 : 15-28 Jun 2021**
Penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau 'total lockdown' Fasa Pertama di seluruh negara yang bermula 1 Jun 2021, disambung lagi selama 14 hari

Pada 11 Jun 2021

- PKPB 13 - 26 April 2021**




Pengumuman
PKP oleh Menteri
Kanan Keselamatan



P / P / P / P / P / P / P

- Pengangkutan awam**
LRT dan bas dihadkan dengan hanya 50% kapasiti penumpang sahaja dengan dikurangkan.
- Kapasiti kehadiran pekerja bagi perkhidmatan awam**
terhad kepada 20% keseburuhan (tidak termasuk *frontliners*) dan 80% Bekerja Dari Rumah (BDR) Peleliling atau Arahan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

- Kapasiti kehadiran pekerja bagi sektor swasta**
Termasuk operasi dan pengurusan hany terhad kepada 60% sahaja pada satu-satu masa.



Pada 19 Ogos 2021

- Kemudahan tambahan sektor sosial dan ekonomi bagi individu vaksinasi lengkap (fasa 1 PPN dan seterusnya) berkuat kuasa: 20 Ogos 2021

**OGOS
SEP**

11 kegiatan ekonomi dibenarkan kembali beroperasi di bawah Fasa 1 PPN (perkuatkuasa 16 Ogos 2021)

Perutusan Khas
Perdana Menteri

Pusat pengedaran & jualan kereta

Kedai cuci kereta

Kedai elektrik & elektronik

Kedai barang rumah & peralatan dapur

Kedai peralatan sukan

Kedai aksesori kereta

Kedai perabot

Kedai gunting rambut & pusat/salon kecantikan

Pasar pagi & pasartani

Kedai rambatan

Kedai gantung rambut & pusat/salon kecantikan

Fesyen & aksesori

Kedai barang kemas

Kedai perabot

Kedai gunting rambut & pusat/salon kecantikan

Pasar pagi & pasartani

Kedai rambatan

Kedai gantung rambut & pusat/salon kecantikan

Fesyen & aksesori

Kedai barang kemas

Kedai perabot

Kedai gunting rambut & pusat/salon kecantikan

Pasar pagi & pasartani

Kedai rambatan

Kedai gantung rambut & pusat/salon kecantikan

Fesyen & aksesori

Kedai barang kemas

Kedai perabot

Kedai gunting rambut & pusat/salon kecantikan

Pasar pagi & pasartani

Kedai rambatan

Kedai gantung rambut & pusat/salon kecantikan

Fesyen & aksesori

Kedai barang kemas

Aktiviti *dine-in* bagi negeri-negeri fasa 1 PPN



DIBENARKAN membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah untuk *dine-in* di premis tersebut dengan mematuhi protokol keselamatan umum

Aktiviti *sukan, rekreasi & riadah* (tanpa sentuhan fizikal dan bukan berkumpulan)



Pelangganan yang memasuki kawasan pasar malam/pasar minggu nesia menunjukkan kad/sijil digital vaksinasi COVID-19

Operasi pasar malam & pasar minggu



Pelangganan yang memasuki kawasan pasar malam/pasar minggu nesia menunjukkan kad/sijil digital vaksinasi COVID-19

Pelangganan yang memasuki kawasan pasar malam/pasar minggu nesia menunjukkan kad/sijil digital vaksinasi COVID-19



Pelangganan yang memasuki kawasan pasar malam/pasar minggu nesia menunjukkan kad/sijil digital vaksinasi COVID-19

Aktiviti *sukan, rekreasi & riadah* (tanpa sentuhan fizikal dan bukan berkumpulan)



Joging, senaman, tai chi, berbasikal, skateboard, memancing, equestrian, memanah, mendaki, tenis *single*, badminton (*single*), golf, permotoran & seumpamanya a

Aktiviti di club-house:

- Dine-in di restoran/kafe DIBENARKAN

- Operasi bilik persalinan/bilik mandi

TIDAK DIBENARKAN

- Perkelahan & perkhidmatan - Penyertaan anak-anak berusia 17 tahun dan kebawah dalam DIBENARKAN dengan pematuhan SOP yang ketat



Pada 15 Ogos 2021

Penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau 'total lockdown' Fasa Pertama (PKP 3.0) diteruskan di seluruh negara (PPN Fasa 1: berkuatkuasa 29 Jun 2021)

Pelan Pemulihian Negara Fasa 2

Pada 3 Julai 2021

Perlis, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak (bermulai 5 Julai 2021)

Pada 5 Julai 2021

Pulau Pinang (bermulai 7 Julai 2021)

Pada 8 Julai 2021

Sabah (bermulai 10 Julai 2021)

Pada 12 Julai 2021

Sarawak (bermulai 14 Julai 2021)

Pada 14 Ogos 2021

Perlis, Sarawak dan WP Labuan (bermulai 16 Ogos 2021)

Pada 16 Oktober 2021

WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Selangor & Melaka (bermulai 18 Oktober 2021)

Pada 6 Oktober 2021

Johor (bermulai 8 Oktober 2021)

Pada 16 Oktober 2021

Perak, Kelantan, Riau, Negeri Sembilan, Johor & Terengganu (bermulai 25 Oktober 2021)

Pada 6 Oktober 2021

Perak, Kelantan, Riau, Negeri Sembilan, Johor & Terengganu (bermulai 25 Oktober 2021)

Pada 8 Oktober 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 18 Oktober 2021)

Pada 5 November 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 18 November 2021)

Pada 8 September 2021

Selangor, W.P. Kuala Lumpur, W.P. Putrajaya (bermulai 10 September 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai 8 November 2021)

Pada 8 September 2021

Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah (bermulai

SOROTAN PENTING


- Ekonomi Malaysia menyusut 5.5 peratus pada 2020 sebagai kesan daripada gangguan penawaran dan permintaan di peringkat global berikutan pandemik COVID-19. Pada 2021, ekonomi negara kembali dibuka secara berperingkat dan mula memulih, mencatatkan pertumbuhan sederhana 3.1 peratus. Prestasi ini terutamanya dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan yang menyumbang 81.3 peratus kepada jumlah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Namun begitu, konflik di antara Rusia dan Ukraine pada awal 2022 telah menimbulkan cabaran kepada pemulihan ekonomi global selepas pandemik COVID-19. Menurut Organization for Economic Co-operation and Development (OECD), krisis yang berlaku ini telah menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan, inflasi yang lebih tinggi dan gangguan rantaian bekalan global yang berpanjangan.
- Pengeluaran getah asli menurun 2.2 peratus kepada 22,498 tan metrik pada April 2022 berbanding 23,013 tan metrik pada bulan yang sama tahun 2021. Secara bulanan, pengeluaran getah asli menurun sebanyak 20.0 peratus berbanding 28,106 tan metrik pada Mac 2022. Pengeluaran buah tandan segar juga menyusut sebanyak 6.1 peratus kepada 7,457,904 tan metrik pada Mei 2022 berbanding bulan yang sama pada 2021 (7,945,898 tan metrik). Sementara itu, perbandingan bulan ke bulan menunjukkan peningkatan 1.1 peratus berbanding April 2022 (7,375,776 tan metrik).
- Melihat kepada prestasi perindustrian Malaysia, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) mengekalkan trend menaik dengan peningkatan 4.6 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Peningkatan IPP didorong oleh kenaikan indeks Pembuatan (6.2%) dan indeks Elektrik (1.5%). Sebaliknya, indeks Perlombongan menyusut 0.1 peratus.
- Sejajar dengan itu, sektor Pembuatan Malaysia meneruskan pertumbuhan dua angka 13.2 peratus, merekodkan nilai jualan RM147.9 bilion pada April 2022 (Mac 2022: 13.9%) berbanding bulan yang sama tahun lalu. Pertumbuhan nilai jualan dipacu oleh Produk Elektrik & Elektronik (21.9%), Produk Makanan, Minuman & Tembakau (14.9%) dan Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (6.7%).
- Perdagangan Borong & Runcit melonjak 15.2 peratus tahun ke tahun dengan mencatatkan RM128.0 bilion pada April 2022. Pertumbuhan ini diterajui oleh subsektor Perdagangan Runcit yang meningkat RM9.3 bilion atau 20.9 peratus kepada RM53.6 bilion. Ini diikuti oleh Perdagangan Borong dan Kenderaan Bermotor yang masing-masing meningkat 11.5 peratus kepada RM59.0 bilion dan 11.3 peratus kepada RM15.4 bilion.
- Dari segi harga, Indeks Harga Pengguna (IHP) pada April 2022 meningkat 2.3 peratus kepada 125.9 berbanding 123.1 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Kenaikan ini melepassi purata inflasi Malaysia bagi tempoh 2011 hingga April 2022 (1.9%). Peningkatan inflasi ini telah didorong terutamanya oleh kenaikan dalam kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (4.1%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Selain itu, Restoran & Hotel dan Pengangkutan masing-masing meningkat 3.2 peratus dan 3.0 peratus. Indeks yang menunjukkan peningkatan di bawah 3 peratus adalah Hiasan, Perakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah, Pelbagai Barang & Perkhidmatan, Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan, Pendidikan, Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, Minuman Alkohol & Tembakau dan Kesihatan. Komunikasi kekal tidak berubah, manakala Pakaian & Kasut menurun 0.2 peratus berbanding pada bulan yang sama tahun sebelumnya.
- Pada masa yang sama, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia kekal bertumbuh dua angka pada kadar 11.0 peratus tahun ke tahun pada April 2022 berbanding 11.6 peratus pada Mac 2022. Peningkatan ini dipacu terutamanya oleh kenaikan pada indeks Perlombongan (18.4%), Pertanian, perhutanan & perikanan (18.0%) dan Pembuatan (9.8%). Selain itu, indeks Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas juga masing-masing meningkat 1.2 peratus dan 0.6 peratus.
- Jumlah dagangan Malaysia mengekalkan trend meningkat pada April 2022 dengan mencatatkan peningkatan 21.3 peratus kepada RM231.4 bilion berbanding RM190.8 bilion pada April 2021. Kedua-dua eksport dan import masing-masing meningkat 20.7 peratus kepada RM127.5 bilion dan 22.0 peratus kepada RM103.9 bilion. Berikutan nilai eksport tinggi berbanding import, lebihan dagangan meningkat 15.7 peratus kepada RM23.5 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

- Pada April 2022, pasaran buruh bertambah kukuh apabila bilangan penduduk bekerja meningkat 3.3 peratus (+501.5 ribu) kepada 15.85 juta orang (April 2021: 15.35 juta orang). Justeru, nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat 1.3 mata peratus tahun ke tahun kepada 66.7 peratus. Manakala, kadar pengangguran menurun 0.7 mata peratus kepada 3.9 peratus.
- Berdasarkan Indeks Pelopor (IP) pada April 2022, Malaysia dijangka mengekalkan pemulihan ekonomi yang lebih baik pada bulan-bulan akan datang walaupun berhadapan dengan ketidaktentuan di peringkat global. IP merekodkan 110.8 mata pada bulan rujukan dengan pertumbuhan yang bertambah baik iaitu negatif 0.5 peratus tahun ke tahun, berbanding negatif 1.4 peratus pada Mac 2022.

BAROMETER EKONOMI


Indeks Pelopor

110.8
April 2022




Pengeluaran Buah Tandan Segar

-6.1%
MEI 2022




Pengeluaran Getah Asli

-2.2%
APRIL 2022




Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

4.6%
APRIL 2022




Nilai Jualan Sektor Pembuatan

13.2%
APRIL 2022




Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

10.0%
APRIL 2022




Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit

15.2%
APRIL 2022



Eksport

30.5%
MEI 2022



Import

37.3%
MEI 2022



Kadar Pengangguran

3.9%
APRIL 2022



Indeks Harga Pengguna (IHP)

2.8%
MEI 2022



Indeks Harga Pengeluaran Tempatan (IHPR)

11.2%
MEI 2022



Ekonomi Dunia


Krisis antara Rusia dan Ukraine dilihat akan memberi kesan berpanjangan terhadap ekonomi global yang ketika ini sedang berada dalam fasa pemulihan akibat pandemik COVID-19. Menurut Organization for Economic Co-operation and Development (OECD), krisis yang berlaku telah menyebabkan ekonomi mengalami pertumbuhan yang perlahan, inflasi yang lebih tinggi dan gangguan rangkaian bekalan global yang berpanjangan. Situasi ini menyebabkan ketidaktentuan kepada keadaan ekonomi dunia, terutamanya dalam pasaran komoditi, perdagangan dunia dan kewangan (IMF WEO, 2022). Di samping itu, National Institute of Economic and Social Research (NIESR) turut menjangkakan masalah rantaian bekalan akan bertambah buruk dan mampu menggugat sebahagian industri lain. Ini telah menyebabkan masalah kekurangan bekalan yang berpanjangan di seluruh dunia kerana Rusia dan Ukraine merupakan pembekal utama bagi barang tertentu. Khususnya, Rusia ialah pengekspor terbesar gandum, besi mentah, gas asli dan nikel, dan menyumbang sebahagian besar eksport arang batu, minyak mentah dan aluminium ditapis manakala Ukraine ialah pengekspor utama komoditi makanan seperti gandum dan minyak bunga matahari (Bank Dunia, 2022).

Pada masa yang sama, inflasi di United States meningkat secara drastik, mencecah paras tertinggi dalam tempoh 40 tahun sebanyak 8.6 peratus pada bulan lalu disebabkan oleh kos makanan, tempat tinggal serta harga gas yang meningkat. Berdasarkan nilai indeks harga pengguna terkini, kos sara hidup meningkat lebih kurang satu mata peratusan pada bulan April 2022. Peningkatan ini adalah secara menyeluruh, dengan indeks tertinggi disumbangkan oleh tempat tinggal, petrol dan makanan. Dari sudut pelaburan, sesetengah pelabur cuba melindungi portfolio mereka daripada inflasi dengan melaburkan modal mereka dengan lebih berhati-hati. Perlindungan nilai inflasi yang paling berleluasa ialah emas, Treasury Inflation-Protected Securities (TIPS) serta saham. Namun begitu, inflasi tidak semestinya menjadi berita buruk kepada sektor pasaran saham. Pada suku pertama 2022 kenaikan harga minyak, gas asli dan komoditi lain membantu saham sektor tenaga menjana rekod keuntungan.

Ekonomi Malaysia

Sejak beberapa tahun lalu, Malaysia telah mengalami beberapa krisis ekonomi global terutamanya Krisis Kewangan Asia dalam tempoh 1997 hingga 1998 dan Krisis Kewangan Global (2008-2009). Kegawatan ekonomi dapat dilihat apabila Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia merosot dengan tahun 1998 merupakan rekod terburuk yang pernah dicatat iaitu negatif 7.4 peratus semasa Krisis Kewangan Asia. Pandemik COVID-19 yang melanda baru-baru ini telah menyebabkan gangguan penawaran dan permintaan di peringkat global yang mengakibatkan ekonomi Malaysia menyusut 5.5 peratus pada tahun 2020. Pada tahun 2021, Malaysia kembali membuka ekonominya secara berperingkat menuju ke fasa pemulihan dan mencatatkan pertumbuhan sederhana 3.1 peratus. Prestasi ini dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan yang menyumbang 81.3 peratus kepada jumlah KDNK.

Carta 1: Prestasi KDNK Malaysia, 1991-2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


PERSPEKTIF KESELURUHAN

Nilai jualan Perdagangan borong dan runcit menunjukkan prestasi yang lebih baik menjelang hujung tahun 2021 dan terus meningkat pada awal tahun 2022 dengan memperoleh RM128.0 bilion pada April 2022, peningkatan sebanyak 15.2 peratus. Pengembangan ini adalah disokong oleh prestasi yang lebih baik dalam semua segmen iaitu Perdagangan runcit (20.9%), Perdagangan borong (11.5%) dan Kenderaan bermotor (11.3%). Bagi indeks volum, Perdagangan borong dan runcit meningkat 10.0 peratus yang disumbangkan oleh peningkatan dalam Perdagangan runcit (16.6%), Kenderaan bermotor (7.2%) dan Perdagangan borong (3.3%).

Pada April 2022, nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia RM147.9 bilion, meningkat 13.2 peratus daripada RM130.6 bilion pada tahun sebelumnya disumbangkan oleh Produk Elektrik & Elektronik (21.9%), Produk Makanan, Minuman & Tembakau (14.9%) dan Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (6.7%).

Walau bagaimanapun, pengeluaran getah asli Malaysia pada April 2022 berkurangan sebanyak 2.2 peratus kepada 22,498 tan metrik berbanding 23,013 metrik pada April 2021. Sektor pekebun kecil yang menyumbang 88.1 peratus daripada jumlah pengeluaran getah asli menyusut 3.7 peratus. Namun begitu, pengeluaran dalam sektor estet meningkat 10.2 peratus berbanding April 2021.

**Carta 2: Indeks Pelopor (2015=100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu),
Januari 1991 - April 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Pelopor (IP) pada April 2022 memberi isyarat prestasi pemulihan ekonomi ke hadapan yang lebih baik. IP merekodkan 110.8 mata pada bulan rujukan kepada pertumbuhan negatif yang lebih baik sebanyak 0.5 peratus tahun ke tahun selepas mencatatkan negatif 1.4 peratus pada Mac 2022. Pada April 2022, IP mencatatkan penurunan bulan ke bulan sebanyak 0.5 peratus. Walaupun prestasi IP perlahan pada bulan rujukan, IP terlicin konsisten melebihi arah aliran jangka panjang dan mencatatkan mata indeks yang lebih baik. Oleh itu, IP memberikan harapan bahawa ekonomi kekal berada dalam jajaran pemulihan dengan trend yang lebih baik meskipun dalam ketidaktentuan global.

KESAN FAKTOR MAKROEKONOMI TERHADAP STOK PASARAN: KAJIAN EMPIRIKAL DARIPADA MALAYSIA

Khairul Aidah Samah, Nurfaqihah Athirah Mat Janggi


Bahagian Perangkaan Akaun Negara, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PENGENALAN

Ekonomi adalah kajian tentang bagaimana manusia memperuntukkan sumber yang terhad dalam usaha untuk memenuhi kehendak yang tiada had. Ekonomi dibahagikan antara, analisis bagaimana keseluruhan ekonomi berfungsi dan cara pasaran tunggal berfungsi. Analisis ekonomi yang mengkaji tingkah laku ekonomi secara keseluruhan dikenali sebagai makroekonomi. Ia mengkaji pembolehubah utama ekonomi seperti keluaran dalam negeri kasar (KDNK), inflasi, kadar pengangguran dan imbalan luaran. Objektif utama dasar makroekonomi adalah untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan mampan, inflasi yang rendah atau stabil dan kadar pengangguran yang rendah, serta imbalan pembayaran yang optimum.

Pada suku pertama 2022, KDNK berkembang lebih kukuh sebanyak 5.0 peratus (ST4 2022: 3.6%) yang didorong oleh pengembangan dalam permintaan domestik¹. Permintaan domestik berkembang 4.4 peratus (ST4 2021: 1.9%) disebabkan oleh pemulihan aktiviti pelaburan dan pertumbuhan penggunaan akhir yang lebih baik pada ST1 2022. Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 2.2 peratus (ST4 2021: 3.2%) disebabkan oleh peningkatan dalam makanan & minuman bukan alkohol (4.0%) diikuti oleh kumpulan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (0.9%) dan pengangkutan (2.6%). Sementara itu, kadar pengangguran turun 0.2 mata peratusan kepada 4.1 peratus pada ST1 2022 (**Carta 1a**).

Carta 1a: KDNK, Permintaan Domestik, IHP dan Kadar Pengangguran, ST3 2020 - ST1 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pemulihan dalam pasaran buruh dengan pertumbuhan gaji dan pekerjaan yang lebih baik serta pendapatan boleh guna yang lebih tinggi memberikan sokongan tambahan kepada perbelanjaan pengguna. Perbelanjaan pengguna memacu sebahagian besar KDNK Malaysia. Ini menjadikannya salah satu penentu utama ekonomi Malaysia. Perubahan dalam mana-mana komponen ini akan memberi kesan kepada perbelanjaan pengguna. **Carta 1b** menunjukkan perbandingan perbelanjaan isi rumah antara ST1 2022 (pai luar) dan ST1 2019 (pai dalam).

¹ Permintaan domestic termasuk penggunaan akhir swasta, penggunaan akhir kerajaan, pembentukan modal tetap kasar dan perubahan dalam inventori.

**Carta 1b: Peratus Sumbangan Penggunaan Isi Rumah, ST1 2019 & ST1 2022
(KDNK pada harga malar (2015=100))**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Barangan dan perkhidmatan yang dibeli, tidak dibeli atau ingin dibelanjakan oleh pengguna boleh menggambarkan arah tuju ekonomi. Arah aliran dalam perbelanjaan pengguna berfungsi sebagai alat yang sangat penting untuk mengurus pelaburan dan permintaan dari segi penawaran. Sebagai contoh, perbelanjaan pengguna dalam Komunikasi meningkat daripada 9 peratus (ST1 2019) kepada 10.7 peratus pada ST1 2022. Ini bermaksud perbelanjaan isi rumah adalah lebih banyak untuk item Komunikasi semasa dan selepas wabak COVID-19. Berdasarkan klasifikasi COICOP², item komunikasi termasuk perbelanjaan untuk peralatan telefon atau telefon mudah alih, perkhidmatan penghantaran maklumat, perkhidmatan penyambungan internet, yuran dan perkhidmatan langganan, termasuk penstrimen filem dan muzik serta lain-lain. Seterusnya, bagi peratus sumbangan kumpulan 1, Makanan dan minuman bukan alkohol juga menunjukkan peningkatan daripada 22.4 peratus kepada 24.1 peratus pada ST1 2022.

Dari aspek permintaan luar, eksport barang Malaysia kekal mengalami lebihan. Eksport barang & perkhidmatan meningkat kepada 19.1 peratus (ST4 2021: 23.7%), di mana ianya disokong oleh permintaan luar yang berterusan dengan harga komoditi yang lebih tinggi. Import barang & perkhidmatan meningkat kepada 19.3% (ST4 2021: 23.5%), yang didorong oleh pertumbuhan dalam import perantaraan. Import barang perantaraan mengekalkan pertumbuhan kukuh sebanyak 29.2 peratus (ST4 2021: 36.2%) seiring dengan pengembangan barangan perlilangan untuk eksport. Import barang perantaraan yang lebih tinggi mencerminkan peningkatan ketara bagi stok bahan mentah dan barangan siap pada suku ini menunjukkan bahawa pengeluaran yang lebih baik dijangka pada suku tahun akan datang disebalik ketidaktentuan ekonomi global akibat krisis Rusia-Ukraine.

Sementara itu, import barang penggunaan mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 24.5 peratus (ST4 2021: 15.5%) berikutan pertumbuhan penggunaan swasta yang lebih pantas. Pertumbuhan import barang modal kekal kukuh pada 17.9 peratus (ST4 2021: 22.6%) dan dicerminkan oleh aktiviti pelaburan yang mencatatkan pertumbuhan marginal pada suku pertama 2022. Aktiviti pelaburan atau pembentukan modal tetap kasar menunjukkan tanda pemulihan selepas kelembapan aktiviti ekonomi berikutan sekatan semasa wabak COVID-19.

2 Klasifikasi Penggunaan Individu Mengikut Tujuan (COICOP) ialah klasifikasi rujukan antarabangsa bagi perbelanjaan isi rumah. Objektif COICOP adalah untuk menyediakan rangka kerja kategori homogen barangan dan perkhidmatan, yang dianggap sebagai fungsi atau tujuan perbelanjaan penggunaan isi rumah. (United Negara, Klasifikasi Perbelanjaan Mengikut Tujuan, Kertas Perangkaan, Siri M No.84, New York, 2018) https://unstats.un.org/unsd/classifications/unsdclassifications/COICOP_2018_-_pre-edited_white_cover_version_-_2018-12-26.pdf

Sorotan kajian ekonomi mendapati, interaksi antara penunjuk makroekonomi dan pulangan pasaran saham dikaji dengan menggunakan pelbagai model ekonometrik (Kwon dan Shin, 1999; Bilson, Brailsford dan Hooper, 2001; Abugri, 2006). Phihal (2016) mendapati prestasi pasaran saham boleh digunakan untuk meramal pembolehubah makroekonomi atau kewujudan hubungan penyebab Granger dua hala, sebagai tanda kecekapan pasaran. Walau bagaimanapun, dalam kes yang didapati tidak mempunyai hubungkait, tingkahlaku ini tidak menganggu kecekapan pasaran. Ini bermakna pembolehubah makroekonomi yang dipilih tidak mengandungi sebarang maklumat bernilai tentang pasaran saham. Namun begitu, pulangan pasaran saham masih dianggap sebagai indikator pelopor pembolehubah makroekonomi. Menurut Ikoku (2010) terdapat sekurang-kurangnya empat pendekatan teori yang menyokong hipotesis bahawa pasaran saham adalah indikator pelopor aktiviti ekonomi: harga saham adalah pengagregat jangkaan, terdapat kos untuk menerbitkan modal ekuiti dan juga kesan pencepat kewangan serta kesan kekayaan.

Menurut Mun, et al (2009), penemuan kajian menunjukkan bahawa wujud hubungan penyebab-Granger sehalia pasaran saham Malaysia kepada aktiviti ekonomi. Sungguh pun begitu, Kogid, et al.(2012) memberikan gambaran umum bahawa aktiviti ekonomi Malaysia mungkin berpotensi sebagai penunjuk dan pembolehubah penting dalam meramalkan gelagat pasaran saham masa hadapan. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan pembolehubah makroekonomi terhadap pulangan pasaran saham bagi Malaysia.

DATA, METODOLOGI DAN PENEMUAN

Kajian ini mengikuti prosedur Toda dan Yamamoto (1995), untuk menguji penyebab-Granger dan menggunakan analisis ke atas data suku tahunan dari suku pertama 2010 hingga suku pertama 2022. Hubungan bivariat dikaji antara pasaran saham di Malaysia dengan penunjuk makroekonomi terpilih seperti KDNK, inflasi, pekerjaan, bekalan wang, kadar faedah, dan imbangang perdagangan.

Oleh itu, dalam artikel ini, penyebab-Granger digunakan untuk mengkaji hubungan antara dua pembolehubah dalam siri masa. Dalam **Jadual 1a** berikut disenaraikan semua pembolehubah yang dikaji dan keputusan analisis ditunjukkan dalam **Jadual 1b** berikutnya.

Jadual 1a: Penerangan Pembolehubah

Pembolehubah	Label	Unit	Sumber
Stok Pasaran	KLCI	Indeks	Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL)
Keluaran Dalam Negeri Kasar	RGDP	RM juta	Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
Indeks Harga Pengguna	CPI	Indeks	Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
Pekerja	EMPLOYMENT	Orang	Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
Kadar Faedah	ALR_BANK	Kadar	Bank Negara Malaysia (BNM)
Penawaran Wang, M1	M1	RM juta	Bank Negara Malaysia (BNM)
Imbangang Dagangan	TRADEB	RM juta	Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Struktur model persamaan penganggaran adalah seperti di bawah;

$$\Delta y_t = \beta_0 + \beta_1 x_t + \varepsilon_t$$

Di mana Y adalah pemboleh ubah bersandar manakala X adalah vektor bagi pemboleh ubah tak bersandar. Pekali β_0 adalah sebutan pemalar dan ε_t adalah sebutan ralat.

Ujian punca unit menggunakan *Augmented Dickey-Fuller* (ADF) dijalankan untuk mengesahkan kepegunan pembolehubah terpilih. Ujian ADF menunjukkan bahawa semua pembolehubah adalah tidak pegun pada peringkat aras I(0) dan pegun di peringkat pembezaan pertama I(1) pada aras keertian 5 peratus.

Seterusnya, anggaran pemilihan panjang lat yang sesuai untuk model Vector Autoregression (VAR) pada semua aras lat dipilih mengikut *Akaike Information Criterion* (AIC) bagi setiap model. Adalah perlu untuk mengesahkan bahawa model penganggaran adalah baik, terutamanya dengan memastikan tiada masalah korelasi bersiri yang berlaku dalam model. Oleh yang demikian, ujian Pengganda Langrange (LM) digunakan dengan hipotesis nol tidak wujud autokorelasi.

Ujian punca unit yang dibentangkan sebelum ini mencadangkan bahawa semua pembolehubah dicirikan sebagai bersepada pada tertib 1. Oleh itu, analisis kointegrasi antara pembolehubah boleh dijalankan. Kewujudan kointegrasi antara pasaran saham dan pembolehubah makroekonomi terpilih memberikan bukti kukuh bahawa wujud hubungan interaktif antara pembolehubah. Penemuan hubungan ini dalam analisis bivariat, membuktikan wujud hubungan sekurang-kurangnya satu arah dan ini boleh ditunjukkan menggunakan Ujian Penyebab Berpasangan Granger seperti di **Jadual 1b**.

Jadual 1b: Keputusan Penyebab Granger

Sampel: ST1 2010 – ST1 2022				
Lat: 2				
Hipotesis Nol:	Cerapan	Statistik-F	Nilai Kebarangkalian	
D(RGDP) bukan penyebab-Granger D(KLCI)	46	0.42602	0.6560	
D(KLCI) bukan penyebab-Granger D(RGDP)		3.54281	0.0381**	
D(CPI) bukan penyebab-Granger D(KLCI)	46	1.37283	0.2648	
D(KLCI) bukan penyebab-Granger D(CPI)		2.87297	0.0680*	
D(EMPLOYMENT) bukan penyebab-Granger D(KLCI)	46	0.29293	0.7476	
D(KLCI) bukan penyebab-Granger D(EMPLOYMENT)		3.07660	0.0569*	
D(ALR_BANK) bukan penyebab-Granger D(KLCI)	46	1.19837	0.3120	
D(KLCI) bukan penyebab-Granger D(ALR_BANK)		2.35590	0.1075	
D(M1) bukan penyebab-Granger D(KLCI)	46	0.82223	0.4466	
D(KLCI) bukan penyebab-Granger D(M1)		1.58642	0.2170	
D(TRADEB) bukan penyebab-Granger D(KLCI)	46	1.00512	0.3748	
D(KLCI) bukan penyebab-Granger D(TRADEB)		6.08532	0.0049***	

Nota: *, ** dan*** merujuk kepada penolakan nol hipotesis pada aras keertian 10%, 5% dan 1%.

Sumber: Berdasarkan data yang diproses oleh penulis

DAPATAN KAJIAN

Penemuan kajian mendapati bahawa indeks pasaran saham KLCI penyebab-Granger KDNK, Inflasi (IHP), Pekerja dan Imbangian Perdagangan dan disokong oleh ujian kointegrasi. Pembolehubah lain seperti Penawaran Wang M1 dan Kadar Faedah tidak menunjukkan sebarang hubungan penyebab-Granger dengan pasaran saham. Ini bermakna bekalan wang dan kadar faedah mungkin tidak mengandungi sebarang maklumat bernilai tentang pasaran saham. Ikoku (2010) menyatakan pasaran saham harus menjadi indikator pelopor ekonomi bagi aktiviti ekonomi sebenar. Dapatkan kajian tidak bercanggah dengan anggapan ini, namun ia hanya boleh menyokong empat pembolehubah yang berkaitan iaitu KDNK, IHP, Pekerja dan Imbangian Perdagangan. Bekalan wang dan kadar faedah tidak dapat diramalkan oleh perkembangan pasaran saham kerana tiada hubungan berkait. Berdasarkan kajian empirikal, pasaran saham di Malaysia adalah indikator pelopor bagi kegiatan ekonomi jika kita mengandaikan KDNK, IHP, Pekerja dan Imbangian Perdagangan sebagai pembolehubah yang mewakili aktiviti ekonomi sebenar.

KESIMPULAN

Kertas kajian ini menguji penyebab-Granger antara indeks saham Malaysia KLCI dan penunjuk makroekonomi terpilih menggunakan pendekatan Toda-Yamamoto (1995). Analisis tertumpu pada data suku tahunan dari ST1 2010 hingga ST1 2022 dan mengkaji pembolehubah seperti KDNK, IHP, pekerja, bekalan wang, kadar faedah dan imbangian perdagangan. Ujian kointegrasi Johansen mendapati terdapat kointegrasi antara KLCI dan semua pembolehubah kecuali bekalan wang dan kadar faedah. Analisis seterusnya mengesahkan perhubungan ini dan mendapati bahawa penyebab Granger berpunca daripada indeks saham KLCI kepada KDNK, IHP, pekerja dan imbangian perdagangan. Berdasarkan dapatan kajian ini, pasaran saham boleh dianggap sebagai penunjuk pelopor aktiviti ekonomi. Tiada indikator makroekonomi dalam analisis ini yang menunjukkan penyebab-Granger kepada pasaran saham. Justeru pasaran saham memainkan peranan indikator pelopor berhubung dengan pembolehubah KDNK, IHP, pekerja dan imbangian perdagangan.

Penemuan ini juga mendapati bahawa pasaran saham adalah indikator pelopor aktiviti ekonomi pada masa depan yang sangat membantu untuk penggubalan dasar makroekonomi negara.

RUJUKAN

- Abugri, Benjamin. (2008). Empirical relationship between macroeconomic volatility and stock returns: Evidence from Latin American markets. *International Review of Financial Analysis*. 17. 396-410. 10.1016/j.irfa.2006.09.002.
- Bilson, C.M., Brailsford, T.J. and Hooper, V.J. (2001) Selecting Macroeconomic Variables as Explanatory Factors of Emerging Stock Market Returns. *Pacific-Basin Finance Journal*, 9, 401-426.
- Kogid, M., Mohd Nor, A. H. S., Sarmidi, T., & Loganathan, N. (2012). Long-term relationships and dynamic interactions between stock markets and economic activities in Malaysia | Hubungan jangka panjang dan interaksi dinamik antara pasaran saham dengan aktiviti ekonomi di Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 36, 1392–1404.
- Kwon, C. S., & Shin, T. S. (1999). Cointegration and causality between macroeconomic variables and stock market returns. *Global finance journal*, 10(1), 71-81.
- Mun, H. W., Siong, E. C., & Thing, T. C. (2009). Stock Market and Economic Growth in Malaysia: Causality Test. *Asian Social Science*, 4(4), 86–92. <https://doi.org/10.5539/ass.v4n4p86>
- Plíhal, T. (2016). Granger causality between stock market and macroeconomic indicators: Evidence from Germany. *Acta Universitatis Agriculturae et Silviculturae Mendelianae Brunensis*, 64(6), 2101–2108. <https://doi.org/10.11118/actaun201664062101>

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



PRESTASI SEKTORAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 6/ 2022

PENGELUARAN



Mei 2022: RM120.5b ▲ 30.5%
Apr 2022: RM127.5b ▲ 20.7%
Mac 2022: RM 131.6b ▲ 25.3%



Apr 2022: 15.85 juta orang ▲ 3.3%
Mac 2022: 15.77 juta orang ▲ 2.9%



Mei 2022: ▲ 2.8%
Apr 2022: ▲ 2.3%
Mac 2022: ▲ 2.2%

SEKTOR LUARAN

PASARAN BURUH

HARGA



Mei 2022: RM107.9b ▲ 37.3%
Apr 2022: RM103.9b ▲ 22.0%
Mac 2022: RM104.9b ▲ 29.9%




Mei 2022: ▲ 11.2%
Apr 2022: ▲ 11.0%
Mac 2022: ▲ 11.6%

Kelapa Sawit

Pengeluaran buah tandan segar pada Mei 2022 meningkat sedikit sebanyak 1.1 peratus kepada 7,457,904 tan metrik berbanding April 2022 (7,375,776 tan metrik) seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 3**. Walau bagaimanapun, perbandingan tahun ke tahun menunjukkan penyusutan sebanyak 6.1 peratus berbanding Mei 2021 (7,945,898 tan metrik).

Carta 3: Pengeluaran Buah Tandan Segar, April 2021 - Mei 2022



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia


Purata penghasilan buah tandan segar pada Mei 2022 meningkat kepada 1.20 tan metrik/ha berbanding 1.17 tan metrik/ha pada April 2022 (**Jadual 1**). Melihat kepada perseptif kawasan, purata pengeluaran hasil buah tandan segar di Semenanjung Malaysia meningkat sebanyak 1.6 peratus kepada 1.30 tan metrik/ha (April 2022: 1.28 tan metrik/ha) manakala Sabah/Sarawak juga mencatatkan peningkatan sebanyak 4.7 peratus kepada 1.12 tan metrik/ha (April 2022: 1.07 tan metrik/ha).

Jadual 1: Purata Penghasilan Buah Tandan Segar mengikut Kawasan, Mei 2021 - Mei 2022 (Tan Metrik/ Ha)

Wilayah	2021								2022				
	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei
Malaysia	1.33	1.35	1.30	1.44	1.45	1.46	1.41	1.26	1.10	0.99	1.18	1.17	1.20
Semenanjung Malaysia	1.40	1.41	1.42	1.55	1.48	1.51	1.44	1.24	1.08	1.07	1.32	1.28	1.30
Sabah/ Sarawak	1.27	1.29	1.20	1.35	1.42	1.41	1.38	1.27	1.11	0.93	1.06	1.07	1.12


Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Walaupun terdapat sedikit kenaikan dalam pengeluaran buah tandan segar, prestasi di sektor perkilangan menunjukkan penurunan bulan ke bulan. Pengeluaran minyak sawit mentah dan isirung sawit masing-masing menurun 0.1 peratus (Mei 2022: 1,460,972 tan metrik, April 2022: 1,462,050 tan metrik) dan 3.3 peratus (Mei 2022: 354,895 tan metrik, April 2022: 367,159 tan metrik). Pengeluaran minyak isirung sawit mentah dan dedak isirung masing-masing turut menurun sebanyak 5.7 peratus (Mei 2022: 158,408 tan metrik, April 2022: 168,068 tan metrik) dan 6.2 peratus (Mei 2022: 179,224 tan metrik, April 2022: 191,019 tan metrik).

Carta 4: Pengeluaran mengikut Produk Utama Kelapa Sawit, April 2021 - Mei 2022


Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia


Eksport minyak sawit pada Mei 2022 meningkat 26.7 peratus kepada 1,359,174 tan metrik berbanding 1,073,038 tan metrik pada April 2022. India kekal sebagai negara pengimpor tertinggi dengan 302,857 tan metrik, menyumbang 22.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport minyak sawit diikuti Turkey (7.1%), Kenya (6.6%), China (6.3%) dan Netherlands (5.1%).

Carta 5: Eksport Minyak Sawit, April 2021 - Mei 2022


Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Import produk berasaskan minyak sawit menunjukkan penurunan pada Mei 2022. Import minyak sawit, minyak isirung sawit dan isirung sawit masing-masing menurun 33.9 peratus (Mei 2022: 50,768 tan metrik, April 2022: 76,770 tan metrik), 51.8 peratus (Mei 2022: 8,217 tan metrik, April 2022: 17,035 tan metrik) dan 58.4 peratus (Mei 2022: 2,391 tan metrik, April 2022: 5,747 tan metrik).

Carta 6: Import mengikut Produk Kelapa Sawit, April 2021 - Mei 2022




Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Getah

Pengeluaran getah asli menurun 20.0 peratus pada April 2022 kepada 22,498 tan metrik berbanding 28,106 tan metrik yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Pengeluaran tahunan menunjukkan penurunan 2.2 peratus berbanding 23,013 tan metrik pada bulan yang sama tahun 2021 seperti ditunjukkan dalam **Carta 7**.

Carta 7: Pengeluaran Getah Asli, Januari 2021 - April 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor kebun kecil merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran getah asli pada April 2022 menyumbang 88.1 peratus (19,820 tan metrik) manakala selebihnya adalah dari sektor estet, 11.9 peratus (2,678 tan metrik). Perbandingan bulan ke bulan menunjukkan pengeluaran di kedua-dua sektor ini masing-masing menurun 20.2 peratus dan 17.9 peratus.

Berdasarkan analisis harga purata bulanan, Lateks Pekat menurun 2.5 peratus (April 2022: 666.47 sen sekilogram, Mac 2022: 683.57 sen sekilogram) manakala bagi jenis Sekerap menurun 0.7 peratus (April 2022: 586.65 sen sekilogram, Mac 2022: 591.02 sen sekilogram). Pergerakan harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula menurun antara 0.8 hingga 2.5 peratus. *World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) masing-masing menurun 2.4 peratus (daripada USD1.75/kg kepada USD1.70/kg) dan 1.3 peratus (daripada USD2.12/kg kepada USD2.09/kg).


Carta 8: Harga Purata Bulanan bagi Getah Asli, April 2021, Mac 2022 dan April 2022



Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Jumlah stok getah asli menyusut 4.1 peratus pada April 2022 kepada 297,673 tan metrik berbanding 310,433 tan metrik pada Mac 2022 seperti yang ditunjukkan pada **Carta 9**. Manakala, penggunaan domestik juga menurun 5.1 peratus kepada 42,361 tan metrik daripada 44,624 tan metrik pada Mac 2022.

Carta 9: Stok Getah Asli, Januari 2021 - April 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 58,755 tan metrik pada April 2022 meningkat 10.2 peratus berbanding Mac 2022 (53,328 tan metrik). China kekal sebagai pengimpor tertinggi getah asli iaitu 39.7 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada April 2022 diikuti USA (11.3%), Finland (4.5%), Egypt (3.2%) dan Iran (2.5%).

PERTANIAN

Sarung tangan merupakan eksport utama produk berasaskan getah dengan nilai RM2.2 bilion pada April 2022, meningkat 8.6 peratus berbanding Mac 2022 (RM2.0 bilion). Negara eksport utama sarung tangan getah ialah USA dengan nilai RM710.5 juta, China (RM128.6 juta) dan Germany (RM137.4 juta) seperti ditunjukkan dalam **Jadual 2**.

Jadual 2: 10 Negara Eksport Tertinggi Sarung Getah, Mac 2022 dan April 2022

Negara	Kuantiti (Tan metrik)		Nilai (RM juta)	
	Mac 2022	April 2022	Mac 2022	April 2022
United States of America	20,699	23,217	637.8	710.5
China	5,245	6,469	109.1	128.6
Germany	5,565	4,730	167.5	137.4
Turkey	4,524	3,805	87.9	72.0
Japan	3,783	3,294	121.2	109.1
Italy	2,496	2,936	59.9	67.7
Brazil	2,902	2,744	57.1	55.4
Australia	1,871	2,432	56.0	70.9
United Kingdom	2,554	2,055	46.5	57.5
Netherlands	2,145	1,756	58.8	50.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia meneruskan momentum positif pada April 2022. Prestasi ini disokong oleh pengembangan permintaan luar dengan pembukaan semula sempadan antarabangsa.

IPP pada bulan April 2022 meningkat 4.6 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya (**Carta 10**). Peningkatan IPP didorong oleh kenaikan 6.2 peratus dalam indeks Pembuatan dan pertumbuhan 1.5 peratus dalam indeks Elektrik. Namun, indeks Perlombongan jatuh 0.1 peratus.

Carta 10: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Tahun ke Tahun (%), April 2021 - April 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Pembuatan yang merupakan komponen terbesar bagi IPP mencatatkan pertumbuhan 6.2 peratus pada April 2022. Secara perbandingan, Output berorientasikan domestik dan eksport masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 6.9 peratus (Mac 2022: 5.1%) dan 5.8 peratus (Mac 2022: 7.8%) berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Penyumbang terbesar kepada output berorientasikan domestik adalah pembuatan produk prosesan makanan, 10.3 peratus (Mac 2022: 10.1%), diikuti oleh pembuatan produk galian bukan logam lain, 7.6 peratus (Mac 2022: 6.6%) dan pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler, 5.1 peratus (Mac 2022: -0.5%). Sementara itu, pertumbuhan industri berdasarkan eksport adalah disumbangkan oleh pembuatan komputer, produk elektronik & optikal, 16.6 peratus (Mac 2022: 20.5%), diikuti oleh pembuatan kelengkapan elektrik, 10.8 peratus (Mac 2022: 22.4%) dan pembuatan kimia & produk kimia, 9.9 peratus (Mac 2022: 1.1%).

IPP bagi beberapa negara rakan dagang utama menunjukkan pertumbuhan positif pada April 2022 termasuk United States of America (USA), 6.4 peratus (Mac 2022: 5.4%), Singapore, 6.2 peratus (Mac 2022: 3.4%) dan South Korea, 3.3 peratus (Mac 2022: 3.7%). Namun begitu, Japan merekodkan penyusutan 4.8 peratus (Mac 2022: -1.7%) manakala China mencatatkan penyusutan 2.9 peratus (Mac 2022: 5.0%).

Output sektor Perlombongan merosot sedikit 0.1 peratus pada bulan April 2022 berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Penyusutan tersebut dipengaruhi oleh penurunan 0.8 peratus dalam indeks Minyak Mentah & Kondensat. Sementara itu, indeks Gas Asli berkembang 0.3 peratus.


INDUSTRI DAN PEMBUATAN

Pembuatan

Nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia pada April 2022 berjumlah RM147.9 bilion, berkembang 13.2 peratus (Mac 2022: 13.9%) berbanding bulan yang sama pada tahun 2021 (**Carta 11**). Pertumbuhan nilai jualan didorong oleh Produk Elektrik & Elektronik (21.9%), Produk Makanan, Minuman & Tembakau (14.9%) dan Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (6.7%).

Di samping itu, eksport Malaysia pada April 2022 meningkat 20.7 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun 2021 mencecah RM127.5 bilion. Pertumbuhan eksport dirangsang oleh peningkatan penghantaran bagi produk elektrik dan elektronik (E&E) terutamanya semikonduktor didorong oleh trend pendigitalan global. Eksport pasaran utama terutamanya ASEAN, China, USA, Kesatuan Eropah (EU) dan Japan mencatatkan pertumbuhan dua digit. Eksport barang perkilangan yang menyumbang 84.2 peratus daripada jumlah eksport meningkat 17.2 peratus berjumlah RM107.4 bilion bagi perbandingan tahun ke tahun.

Carta 11: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, April 2021 - April 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan Survei Pembuatan Bulanan, jumlah pekerja dalam sektor Pembuatan pada April 2022 adalah seramai 2.29 juta orang, bertambah 2.5 peratus berbanding 2.24 juta orang pada April 2021 (Mac 2022: 2.4%). Peningkatan jumlah pekerja terutamanya didorong oleh industri Elektrik & Elektronik (5.2%), Kelengkapan Pengangkutan dan Pembuatan Lain (3.0%) dan Kayu, Perabot, Produk Kertas & Percetakan (2.7%). Pada April 2022, Gaji & upah yang dibayar meningkat 4.5 peratus kepada RM7.7 bilion berbanding bulan yang sama tahun 2021 (Mac 2022: 4.4%). Selain itu, purata gaji & upah setiap pekerja meningkat 1.9 peratus kepada RM3,367 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Sehubungan itu, nilai jualan per pekerja juga turut meningkat 10.4 peratus kepada RM64,562 (April 2021: RM58,454).

Memandang ke hadapan, sektor Pembuatan dijangka kekal berdaya tahan memandangkan keadaan permintaan terus bertambah baik berikutan pandemik COVID-19 yang terkawal di seluruh dunia. Sebaliknya, kekangan bekalan dari segi ketersediaan buruh dan komponen selain dipengaruhi oleh sekatan pergerakan di China dan perang Russia-Ukraine akan memberi kesan kepada momentum sektor ini.


Perdagangan Borong & Runcit

Perdagangan Borong & Runcit Malaysia mencatatkan rekod baharu pada April 2022, peningkatan dua angka sebanyak 15.2 peratus atau RM16.9 bilion dalam jualan berbanding setahun sebelumnya yang mencecah untuk mencatatkan RM128.0 bilion. Nilai jualan yang lebih tinggi ini terutamanya disokong oleh perbelanjaan aktiviti sosial, khususnya untuk musim perayaan termasuk persiapan Ramadan dan membeli-belah sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri. Pembukaan semula sempadan antarabangsa mulai 1 April 2022 turut merangsang lagi prestasi perdagangan runcit.

Prestasi Nilai Jualan

Prestasi Perdagangan Borong & Runcit pada April diterajui oleh subsektor Perdagangan Runcit yang meningkat RM9.3 bilion atau 20.9 peratus untuk merekodkan RM53.6 bilion. Perdagangan Borong juga berkembang dengan 11.5 peratus atau RM6.1 bilion kepada RM59.0 bilion. Dalam tempoh yang sama, Kenderaan Bermotor menokok 11.3 peratus atau RM1.6 bilion kepada RM15.4 bilion.

Paparan 1: Prestasi Perdagangan Borong & Runcit, April 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit meningkat 3.4 peratus, sebahagian besarnya disokong oleh Perdagangan Runcit, yang meningkat 7.4 peratus atau RM3.7 bilion, diikuti Perdagangan Borong yang berkembang 3.1 peratus atau RM1.8 bilion. Sebaliknya, subsektor Kenderaan Bermotor menurun sebanyak 7.7 peratus.


Prestasi Kenderaan Bermotor

Pertumbuhan 11.3 peratus dalam subsektor Kenderaan Bermotor bulan ini disumbangkan oleh Jualan Alat Ganti & Aksesori Kenderaan Bermotor yang meningkat 31.1 peratus atau RM0.9 bilion kepada RM3.8 bilion. Ini diikuti oleh Penyelenggaraan & Pembaikan Kenderaan Bermotor, Jualan Kenderaan Bermotor dan Jualan, Penyelenggaraan & Pembaikan Motosikal masing-masing sebanyak 33.8 peratus, 1.2 peratus dan 5.7 peratus.

PERKHIDMATAN

Bagi perbandingan bulanan, jualan subsektor ini jatuh 7.7 peratus disebabkan oleh Jualan Kenderaan Bermotor yang merosot 16.5 peratus, berikutan industri ini terus terjejas ekoran kekurangan cip serta asas yang lebih tinggi yang dicatatkan pada Mac.

Carta 12: Prestasi Subsektor Kenderaan Bermotor, April 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestai Perdagangan Runcit

Pertumbuhan subsektor Perdagangan Runcit sebanyak 20.9 peratus pada April 2022 disokong oleh Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan yang meningkat 26.4 peratus atau RM4.1 bilion kepada RM19.9 bilion. Begitu juga, kumpulan lain dalam subsektor ini turut mencatatkan pertumbuhan positif iaitu Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Barang Lain (19.2%), Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Peralatan Lain Isi Rumah (16.0%), Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Bahan Api Kenderaan (37.7%), Jualan Runcit Makanan, Minuman & Tembakau di Kedai Pengkhususan (15.5%), Jualan Runcit di Kedai Khusus Menjual Barang Kesenian & Rekreasi (15.5%), Jualan Runcit Bukan di Kedai, Gerai atau Pasar (28.6%), dan Jualan Runcit di Gerai & Pasar (17.3%) seperti ditunjukkan dalam **Carta 13**.

Bagi perbandingan bulan ke bulan, jualan subsektor ini meningkat 7.4 peratus dengan semua kumpulan mencatatkan pertumbuhan positif.

Carta 13: Prestasi Subsektor Perdagangan Runcit, April 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Perdagangan Borong

Kenaikan 11.5 peratus disumbang oleh Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong yang mencatatkan RM23.2 bilion, meningkat 6.5 peratus atau RM1.4 bilion. Ini diikuti oleh Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau dengan 11.8 peratus untuk merekodkan RM11.2 bilion. Begitu juga, jualan Borong Barang Isi Rumah juga meningkat 22.9 peratus kepada RM12.1 bilion seperti di **Carta 14**. Bagi perbandingan bulanan, Perdagangan Borong meningkat sebanyak 3.1 peratus.

Carta 14: Prestasi Subsektor Perdagangan Borong, April 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Indeks Volum

Bagi indeks volum, Perdagangan Borong & Runcit bagi April 2022 mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 10.0 peratus. Peningkatan ini disumbang oleh Perdagangan Runcit yang meningkat 16.6 peratus. Kenderaan Bermotor dan Perdagangan Borong juga mencatatkan pertumbuhan positif masing-masing 7.2 peratus dan 3.3 peratus. Bagi indeks volum pelarasan musim, ia meningkat 7.9 peratus bulan ke bulan (**Carta 15**).

Carta 15: Prestasi Indeks Volum Sektor Perdagangan Borong dan Runcit, Januari 2021 - April 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PERKHIDMATAN

Nilai Jualan bagi Negara-Negara Terpilih

Jadual 3: Nilai Jualan Bagi Negara-Negara Terpilih, April 2022 (Tahun ke Tahun)

Singapore	Hong Kong	United Kingdom	Republic of Korea	Indonesia
14.4	8.1	-3.9	0.5	8.6

Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih

Melihat kepada prestasi jualan runcit di negara terpilih yang lain, Singapore, Indonesia, Hong Kong dan Republic of Korea mencatatkan pertumbuhan positif pada April 2022 seperti di **Jadual 3**. Singapore merekodkan pertumbuhan 14.4 peratus tahun ke tahun, sebahagiannya didorong oleh perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi berikutan kelonggaran sekatan sempadan. Hong Kong juga merekodkan pertumbuhan 8.1 peratus, menamatkan penguncutan dua bulan berturut-turut, dengan peningkatan dibantu oleh kes COVID-19 yang semakin berkurang dan pemberian baucar oleh kerajaan. Sementara itu, jualan runcit Korea Selatan meningkat 0.5 peratus pada April 2022.

Walau bagaimanapun, jualan runcit United Kingdom merosot 3.9 peratus pada April 2022 didorong oleh pengguna yang menghadkan perbelanjaan disebabkan kenaikan harga barang. Sumbangan terbesar kepada penurunan ini adalah daripada jualan bukan di kedai dan jualan makanan, kesan inflasi yang disebabkan oleh peperangan.

Prospek Mei 2022

Perdagangan Borong & Runcit pada Mei 2022 dijangka kekal positif dengan aktiviti pelancongan seja jar pembukaan semula sempadan antarabangsa, dan waktu operasi perniagaan yang kembali normal. Bagaimanapun, pada asas bulanan, sektor ini akan mengalami penurunan dalam jumlah jualan disebabkan oleh asas yang lebih tinggi yang dicatatkan pada bulan April. Jualan Kenderaan Bermotor akan terus mencatatkan negatif bulan ke bulan pada bulan Mei, kebanyakannya disebabkan oleh bulan bekerja yang singkat, kekurangan cip dan komponen serta gangguan kelewatan logistik. Tambahan pula, kenaikan harga makanan akan menjelaskan permintaan dan seterusnya akan menjelaskan volum jualan dalam perdagangan borong & runcit.


Perdagangan Barang

Malaysia berada dalam fasa peralihan ke endemik pada April 2022 yang menyaksikan perkembangan seperti pemansuhan sekat operasi premis perniagaan dan pembukaan semula sempadan negara yang mendorong kepada kerancakan aktiviti ekonomi domestik dan perdagangan. Seiring dengan itu, jumlah perdagangan Malaysia mengekalkan momentum dua angka pada April 2022, peningkatan sebanyak 21.3 peratus kepada RM231.4 bilion berbanding RM190.8 bilion pada April 2021. Eksport meningkat 20.7 peratus kepada RM127.5 bilion, manakala import naik 22.0 peratus kepada RM103.9 bilion. Imbangan dagangan kekal dengan lebihan RM23.5 bilion, meningkat 15.7 peratus daripada tahun sebelumnya. Berbanding Mac 2022, eksport, import, jumlah dagangan danimbangan dagangan masing-masing menyusut sebanyak 3.1 peratus, 0.9 peratus, 2.1 peratus dan 11.6 peratus.

Eksport yang lebih baik didorong oleh peningkatan eksport barang ke European Union (EU) yang meningkat RM2.7 bilion, diikuti oleh United States of America (USA) (+RM2.2 bilion), China (+RM1.9 bilion), Australia (+RM1.9 bilion) dan Republic of Korea (+RM1.5 bilion). Sementara itu, peningkatan import pula didorong oleh pengembangan import dari Indonesia (+RM2.8 bilion), diikuti oleh Taiwan (+RM1.8 bilion), Singapore (+RM1.8 bilion), China (+RM1.7 bilion) dan USA (+RM1.7 bilion). Perdagangan Malaysia pada April 2022 adalah terutamanya dengan China, Singapore, USA dan EU dengan jumlah sumbangan 46.2 peratus (April 2021: 48.6%).

Eksport barang Malaysia mengekalkan momentum positif pada April 2022 dengan peningkatan 20.7 peratus tahun ke tahun kepada RM127.5 bilion daripada RM105.6 bilion pada April 2021. Kenaikan ini dipacu oleh peningkatan berterusan eksport Barang elektrik dan elektronik (E&E) (+RM10.0 bilion, +27.0%), Minyak kelapa sawit & dan hasil keluaran berdasarkan minyak kelapa sawit (+RM3.9 bilion, +46.0%) dan Gas asli cecair (LNG) (+RM1.7 bilion, +60.9%) seperti di **Carta 16**. Manakala, eksport Sarung tangan getah terus mengekalkan trend menurun (-RM4.5 bilion, -67.3%). Keluaran petroleum bertapis turut mencatatkan kejatuhan buat pertama kalinya setelah dua belas bulan berturut-turut mencatatkan peningkatan. Produk ini menurun 6.3 peratus tahun ke tahun kepada RM8.2 bilion daripada RM8.8 bilion pada April 2021 disebabkan oleh penurunan volum di sebalik peningkatan harga. Barang E&E, Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berdasarkan minyak kelapa sawit dan Keluaran petroleum bertapis merupakan produk eksport utama Malaysia pada April 2022 dengan sumbangan agregat 53.0 peratus (April 2021: 51.4%).

Carta 16: Perubahan Peratusan Tahunan Eksport Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (%), April 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

SEKTOR LUARAN

Prestasi import Malaysia terus mengekalkan trend positif pada April 2022, mencatatkan kenaikan 22.0 peratus tahun ke tahun kepada RM103.9 bilion daripada RM85.2 bilion pada April 2021. Peningkatan import didorong oleh Barang E&E (+RM7.2 bilion, +26.2%), Petroleum mentah (+RM2.9 bilion, +123.6%), Tembaga (+RM791.5 juta, +70.2%) dan Jentera & kelengkapan khusus untuk industri tertentu & alat ganti (+RM396.2 juta, +29.7%) seperti di **Carta 17**. Sementara itu, Emas, bukan bentuk wang terus menunjukkan trend negatif untuk bulan keenam berturut-turut (-RM1.0 bilion, -45.7%). Selari dengan itu, setelah dua belas bulan berturut-turut mencatatkan peningkatan positif, Keluaran petroleum bertapis jatuh buat pertama kalinya dengan penurunan marginal 0.8 peratus tahun ke tahun kepada RM8.3 bilion daripada RM8.4 bilion pada April 2021. Barang E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Petroleum mentah menjadi penyumbang utama kepada import barang Malaysia pada April 2022 dengan sumbangan kumulatif 43.4 peratus (April 2021: 41.3%).


Carta 17: Perubahan Peratusan Tahunan Import Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (%), April 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) menyemak semula unjuran bagi pertumbuhan perdagangan global 2022 daripada 4.7 peratus kepada 3.0 peratus. Ini adalah berikutan daripada kesan krisis Rusia-Ukraine di mana Bank Dunia memberi amaran pada April 2022 tentang potensi krisis makanan berikutan peningkatan harga¹. Walau bagaimanapun, eksport dan import oleh rakan dagangan utama Malaysia terus menunjukkan peningkatan pada April 2022 kecuali import oleh China seperti di **Carta 18**.

Carta 18: Perubahan Peratusan Tahunan Eksport dan Import bagi 10 Rakan Dagangan Utama Malaysia (%), April 2022



Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih

¹ <https://www.reuters.com/business/wto-lowers-its-2022-global-trade-growth-forecast-2022-04-12/>


Statistik perdagangan antarabangsa mengikut negeri bagi April 2022 menunjukkan peningkatan dalam jumlah dagangan iaitu RM40.6 bilion atau 21.3 peratus tahun ke tahun kepada RM231.4 bilion. Peningkatan tersebut disumbangkan oleh prestasi yang memberangsangkan dari kebanyakan negeri terutamanya Pulau Pinang yang meningkat RM14.4 bilion (+30.5%), Selangor RM6.7 bilion (+14.9%), Sarawak RM4.3 bilion (+48.5%), W.P. Kuala Lumpur RM3.2 bilion (+32.2%), Kedah RM3.1 bilion (+40.2%), Johor RM3.1 bilion (+7.4%), Melaka RM1.6 bilion (+24.3%), Sabah RM1.5 bilion (+44.3%), Pahang RM1.0 bilion (+24.1%), W.P. Labuan RM635.1 juta (+125.3%), Perak RM546.0 juta (+8.4%), Negeri Sembilan RM350.1 juta (+6.5%) dan Perlis RM28.0 juta (+14.5%). Walau bagaimanapun, jumlah dagangan menurun di Terengganu sebanyak RM387.8 juta (-16.5%) dan Kelantan RM38.2 juta (-6.5%).

Jumlah eksport meningkat sebanyak RM21.9 bilion atau 20.7 peratus kepada RM127.5 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Peningkatan didorong oleh eksport yang lebih tinggi terutamanya oleh Pulau Pinang (+RM9.0 bilion), Selangor (+RM3.7 bilion), Sarawak (+RM3.4 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM1.7 bilion), Sabah (+RM1.6 bilion), Johor (+RM1.6 bilion), Kedah (+RM1.3 bilion), Pahang (+RM518.0 juta), W.P. Labuan (+RM456.0 juta), Kelantan (+RM132.5 juta) dan Perlis (+RM15.1 juta). Walau bagaimanapun, eksport menyusut di Melaka (-RM631.4 juta), Terengganu (-RM349.2 juta), Negeri Sembilan (-RM324.0 juta) dan Perak (-RM280.1 juta).

Pada masa yang sama, import meningkat sebanyak RM18.7 bilion (+22.0%) pada April 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Import yang lebih tinggi terutamanya dari Pulau Pinang (+RM5.4 bilion), Selangor (+RM3.0 bilion), Melaka (+RM2.2 bilion), Kedah (+RM1.7 bilion), Johor (+RM1.5 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM1.4 bilion), Sarawak (+RM902.4 juta), Perak (+RM826.1 juta), Negeri Sembilan (+RM674.0 juta), Pahang (+RM527.4 juta), W.P. Labuan (+RM179.2 juta) dan Perlis (+RM12.9 juta). Walau bagaimanapun, import menurun di Kelantan (-RM170.7 juta), Sabah (-RM102.0 juta) dan Terengganu (-RM38.6 juta).

Lima negeri kekal menguasai eksport negara dengan menyumbang 81.1 peratus kepada jumlah eksport. Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 29.3 peratus, diikuti oleh Johor (20.0%), Selangor (19.5%), Sarawak (8.1%) dan W.P. Kuala Lumpur (4.3%). Sementara itu, bagi import, Selangor kekal sebagai penyumbang utama dengan 25.6 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (23.4%), Johor (18.3%), W.P. Kuala Lumpur (7.3%) dan Kedah (5.7%) seperti di **Paparan 2**.

Paparan 2: Eksport dan Import mengikut Negeri, April 2021 dan April 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

1. Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau perikrarhan yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
2. Nilai eksport dan import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

SEKTOR LUARAN

Beberapa siri kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) COVID-19 telah dilaksanakan sejak Mei 2022, sekaligus merancakkan aktiviti sosial dalam kalangan masyarakat, terutama pada musim perayaan. Ini adalah perbezaan yang ketara berbanding pada tahun lalu di mana sambutan secara sederhana telah diadakan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Seiring dengan itu, jumlah perdagangan Malaysia melonjak 33.5 peratus pada Mei 2022, daripada RM170.9 bilion pada Mei 2021 kepada RM228.4 bilion. Ekspor meningkat 30.5 peratus kepada RM120.5 bilion, manakala import meningkat 37.3 peratus kepada RM107.9 bilion, rekod tertinggi dicatatkan. Lebihan dagangan meningkat 33.6 peratus tahun ke tahun kepada RM12.6 bilion. Di samping pemulihan ekonomi, peningkatan ini turut disokong oleh kenaikan harga komoditi dan permintaan global yang lebih tinggi untuk komoditi terpilih. Berbanding April 2022, ekspor, jumlah dagangan dan lebihan dagangan masing-masing menurun 5.6 peratus, 1.4 peratus dan 46.3 peratus, manakala import meningkat 3.6 peratus.


Nota: Artikel ini merujuk kepada statistik awalan daripada penerbitan bulan rujukan.

Senario Buruh

April 2022 bermula dengan kedudukan yang baik apabila negara memasuki fasa peralihan ke endemik pada 1 April 2022. Ini membolehkan pelonggaran lebih banyak sekatan COVID-19 serta kebenaran pengoperasian semula aktiviti ekonomi dan sosial secara berterusan. Peralihan ini bertepatan yang mana operasi pasar malam, pasar tani, gerai dan bazar dapat diteruskan setelah sekian lama terhenti terutamanya ketika umat Islam menyambut bulan suci Ramadan. Dengan kelonggaran prosedur operasi standard, sambutan pengunjung ke premis perniagaan dapat dilihat semakin memberangsangkan. Tambahan pula, pembukaan sepenuhnya sempadan antarabangsa negara sejak permulaan bulan tersebut turut mempengaruhi situasi ekonomi yang lebih rancak, terutamanya di sektor yang paling terjejas iaitu sektor pelancongan dengan kemasukan pelancong asing ke Malaysia sama ada untuk tujuan perniagaan atau percutian. Situasi sosioekonomi yang menggalakkan pada bulan ini telah menyumbang kepada pengembangan permintaan buruh bagi menampung kapasiti operasi perniagaan. Hal ini telah membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan merangsang lebih banyak aktiviti dalam pasaran buruh. Oleh itu, kedudukan tenaga buruh pada April 2022 bertambah baik dengan peningkatan berterusan guna tenaga manakala pengangguran kekal dalam trend penurunan.

Bilangan penduduk bekerja meningkat 3.3 peratus (+501.5 ribu) kepada 15.85 juta orang pada April 2022 (April 2021: 15.35 juta orang). Justeru, nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan negara untuk mewujudkan pekerjaan meningkat 1.3 mata peratus tahun ke tahun kepada 66.7 peratus. Berbanding bulan sebelumnya, guna tenaga merekodkan peningkatan marginal sebanyak 0.5 peratus (+84.1 ribu orang) manakala nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat 0.3 mata peratus (**Carta 19**).

Carta 19: Penduduk Bekerja dan Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk, Januari 2018 - April 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan terus mengekalkan trend positif pertumbuhan bulan ke bulan, sebahagian besarnya dalam Perkhidmatan makanan & minuman, Perdagangan borong & runcit dan Aktiviti kesihatan kemanusiaan & kerja sosial. Begitu juga, bilangan guna tenaga dalam sektor Pembuatan dan Pembinaan juga terus mencatatkan peningkatan. Sementara itu, sektor Pertanian menyaksikan guna tenaga yang meningkat untuk pertama kali selepas 22 bulan manakala bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perlombongan & pengkuarian mencatatkan pengurangan berterusan.

Melihat kepada penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, kategori pekerja yang meliputi komposisi terbesar iaitu 76.3 peratus mencatatkan pertambahan sebanyak 32.3 ribu penduduk bekerja (0.3%) berbanding bulan sebelumnya kepada 12.09 juta orang. Penduduk bekerja sendiri turut merekodkan peningkatan sebanyak 1.2 peratus (+31.9 ribu orang) kepada 2.72 juta orang. Antara yang berada dalam kategori ini ialah mereka yang menerima gaji harian yang bekerja sebagai pengusaha perniagaan kecil seperti peruncit; penjaja; penjual di pasar dan gerai; serta pekebun kecil (**Carta 20**).

SENARIO BURUH


Carta 20: Penduduk Bekerja mengikut Taraf Pekerjaan, Mac 2022 dan April 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar pengangguran jatuh sebanyak 93.4 ribu orang kepada 649.3 ribu orang pada April 2022, dengan situasi pengangguran terus bertambah baik. Oleh itu, kadar pengangguran menurun 0.7 mata peratus tahun ke tahun kepada 3.9 peratus. Perbandingan bulan ke bulan, kadar pengangguran jatuh 0.2 mata peratus daripada 4.1 peratus pada Mac 2022, manakala bilangan penganggur berkurang sebanyak 19.9 ribu (-3.0%) seperti di **Carta 21**.


Carta 21: Penganggur dan Kadar Pengangguran, 1982 - 2021 dan Januari 2020 - April 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebih 80 peratus daripada penganggur adalah mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan yang juga dikenali sebagai penganggur aktif (83.6%). Dalam kalangan kumpulan ini, lebih daripada separuh (58.1%) menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala 7.1 peratus adalah mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang selama lebih daripada setahun. Sementara itu, bilangan kumpulan penganggur yang tidak aktif atau yang percaya bahawa tiada pekerjaan yang tersedia merekodkan pengurangan sebanyak 1.3 ribu kepada 106.4 ribu (Mac 2022: 108.1 ribu orang) seperti di **Carta 22**.


Carta 22: Kategori Penganggur dan Tempoh Menganggur, Mac 2022 dan April 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bilangan tenaga buruh meningkat 2.5 peratus bersamaan 408.1 ribu orang, untuk merekodkan 16.50 juta orang berbanding bulan yang sama tahun 2021. Sehubungan dengan itu, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) naik 0.8 mata peratus kepada 69.5 peratus. Berbanding bulan sebelumnya, tenaga buruh meningkat sebanyak 0.4 peratus (+64.3 ribu orang) manakala KPTB meningkat sebanyak 0.2 mata peratusan (**Carta 23**).


Carta 23: Tenaga Buruh dan KPTB, 1982 - 2020 dan Januari 2020 - April 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bilangan penduduk luar tenaga buruh terus mencatatkan penurunan pada April 2022 merekodkan pengurangan sebanyak 39.5 ribu (-0.5%) kepada 7.27 juta orang berbanding Mac 2022. Sumbangan peratus terbesar luar tenaga buruh adalah disebabkan oleh kerja rumah/ tanggungjawab keluarga iaitu sebanyak 42.0 peratus, diikuti oleh bersekolah/ latihan dengan sumbangan 40.9 peratus (**Carta 24**).

Carta 24: Peratus Sumbangan Penduduk Luar Tenaga Buruh mengikut Sebab Tidak Mencari Pekerjaan, Mac 2022 dan April 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Iklim ekonomi semasa dipengaruhi oleh gangguan rantaian bekalan global susulan krisis geopolitik yang berterusan, perubahan cuaca serta tindakan mengawal penularan COVID-19 yang ketat oleh negara China. Di samping itu, negara-negara tertentu telah mengenakan larangan ke atas eksport barang terpilih bagi menangani kekurangan produk dalam pasaran tempatan. Sebaliknya, peningkatan permintaan berikutan pelonggaran sekatan COVID-19 di kebanyakan negara turut memberi tekanan kepada harga. Sehubungan itu, kebanyakan negara telah mula melaksanakan dasar monetari yang lebih ketat dalam mengurangkan kesan peningkatan inflasi dengan menaikkan kadar faedah bagi membendung kenaikan harga dan permintaan. Bagi Malaysia, BNM telah menaikkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas pada 11 Mei 2022 berikutan kenaikan harga dan peningkatan permintaan domestik dan prestasi eksport yang stabil. Dalam hal ini, momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia mungkin terganggu kerana inflasi mempengaruhi permintaan manakala pelaksanaan dasar monetari yang ketat di seluruh negara juga boleh memberi kesan kepada produk dari Malaysia. Ini sedikit sebanyak akan menjaskan trajektori positif pasaran buruh negara.

SENARIO BURUH

Walau bagaimanapun, jangkaan ekonomi yang lebih optimis dilihat setelah negara memasuki fasa peralihan ke endemik. Peningkatan permohonan pekerja bukan warganegara oleh majikan berikutnya pembukaan semula sempadan antarabangsa negara dijangka akan dapat mengurangkan isu kekurangan guna tenaga terutamanya dalam sektor Pembinaan dan Pertanian; dan seterusnya akan merangsang kedudukan pasaran buruh negara. Selain itu, aliran masuk pelancong asing juga boleh menyumbang kepada pemulihian semula industri pelancongan terutamanya dalam subsektor penginapan. Walaupun penyusutan nilai RM berbanding Dolar AS mungkin memberi cabaran kepada ekonomi, ia mungkin juga membawa kesan positif terhadap sektor pelancongan yang mana kos yang lebih rendah akan menarik perbelanjaan pelancong di dalam negara. Hal ini dapat membantu perniagaan kecil untuk pulih setelah dua tahun berdepan kesukaran akibat pandemik. Situasi ini dilihat akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan berikutan aktiviti perniagaan memerlukan lebih ramai pekerja bagi menampung permintaan yang semakin meningkat bagi barang dan perkhidmatan. Oleh itu, pasaran buruh dijangka akan terus berdaya tahan pada bulan-bulan akan datang, selaras dengan IP yang menunjukkan ekonomi jangka pendek dijangka kekal berada di landasan pemulihian.


Indeks Harga Pengguna

Peningkatan permintaan terhadap bahan mentah makanan di sepanjang bulan Ramadan terutama daripada sektor utama industri makanan seperti katering, perhotelan dan bazar Ramadan sekali lagi memberi tekanan kepada inflasi makanan. Kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol yang mana merupakan penyumbang terbesar kepada keseluruhan wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP) terus menjadi penyumbang utama kepada kenaikan inflasi negara.

Inflasi negara pada April 2022 meningkat 2.3 peratus kepada 125.9 berbanding 123.1 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Malah, kenaikan ini juga mele过i purata inflasi Malaysia bagi tempoh 2011 hingga April 2022 (1.9%). Peningkatan inflasi ini telah didorong terutamanya oleh kenaikan dalam kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (4.1%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Antara subkumpulan yang menyumbang kepada peningkatan ini adalah Sayur-sayuran. Peningkatan harga sayur-sayuran berikutan ketidaktentuan cuaca yang menjadikan kematangan sayur-sayuran dan menyebabkan penyusutan bekalan di dalam pasaran. Tambahan pula, peningkatan ini juga disebabkan oleh peningkatan harga baja, kos logistik dan kekurangan sumber tenaga manusia di kawasan pertanian.

Selain itu, IHP bagi subkumpulan Restoran & Hotel turut meningkat 3.2 peratus diikuti oleh Pengangkutan (3.0%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (2.7%); Pelbagai Barang & Perkhidmatan (1.8%) dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (1.3%). Sementara itu, Pendidikan mencatatkan peningkatan 1.0 peratus dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain meningkat 0.8 peratus. Minuman Alkohol & Tembakau dan Kesihatan masing-masing meningkat secara marginal 0.5 peratus dan 0.2 peratus. Komunikasi kekal tidak berubah manakala Pakaian & Kasut menurun 0.2 peratus berbanding pada bulan yang sama tahun sebelumnya (**Carta 25**).

Carta 25: IHP Keseluruhan, Pengangkutan dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (Tahun ke Tahun), April 2021 - April 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pengangkutan mencatatkan peningkatan IHP sebanyak 3.0 peratus pada April 2022 berbanding 2.6 peratus pada Mac 2022. Peningkatan ini disumbangkan oleh kenaikan subkumpulan Pengurusan alat pengangkutan persendirian (4.5%). Namun begitu, penurunan subkumpulan Perkhidmatan pengangkutan (-10.5%) dan Pembelian kenderaan (-0.1%) telah meredakan inflasi kumpulan ini.

Purata harga Petrol Tanpa Plumbum RON97 pada April 2022 meningkat kepada RM3.84 per liter berbanding RM2.55 pada April 2021. Sementara itu, purata harga Petrol Tanpa Plumbum RON95 dan Diesel pada Mac 2022 masih berada pada paras harga siling yang telah ditetapkan oleh kerajaan pada Mac 2021 (**Carta 26**).

Carta 26: Purata Harga Bahan Api, April 2021 - April 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Makanan & Minuman Bukan Alkohol yang merupakan komponen terbesar perbelanjaan isi rumah mencatatkan peningkatan tertinggi tahun ke tahun sejak Januari 2018 iaitu 4.1 peratus pada April 2022. Kumpulan ini menyumbang 29.5 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP. Peningkatan bagi kumpulan ini sebahagian besarnya berpunca daripada kenaikan komponen Makanan di luar rumah yang mana meningkat 4.4 peratus berbanding April 2021, diikuti oleh peningkatan Makanan di rumah (4.1%) seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4: Perubahan Peratus Subkumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (Tahun ke Tahun), April 2022

Kumpulan Utama	Wajaran	Tahun ke Tahun (%) April 2022
Makanan & Minuman Bukan Alkohol	29.5	4.1
Makanan	28.4	4.2
Makanan Di Rumah	16.9	4.1
Beras, Roti & Bijirin Lain	3.5	2.7
Daging	2.5	6.2
Ikan & Makanan Laut	4.0	3.8
Susu, Keju & Telur	1.5	7.2
Minyak & Lemak	0.6	3.5
Buah-buahan	1.2	2.3
Sayur-sayuran	2.1	4.5
Gula, Jem, Madu, Coklat & Manisan	0.6	2.2
Keluaran Makanan t.t.t.l.	1.0	3.5
Makanan Di Luar Rumah	11.5	4.4
Kopi, Teh, Koko & Minuman Bukan Alkohol	1.1	1.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kenaikan berterusan harga makanan di peringkat global yang semakin ketara, didorong juga dengan lonjakan harga minyak, telah memberi tekanan kepada inflasi Malaysia. Tambahan pula, peningkatan permintaan ketika musim perayaan terutamanya daripada isi rumah dan sektor utama bagi industri makanan seperti katering dan perhotelan, dijangka akan memberi impak kepada peningkatan inflasi terutamanya inflasi makanan. Justeru, langkah-langkah mitigasi perlu diambil kira untuk menangani faktor jangka panjang yang mendorong kepada kenaikan harga makanan, bagi memastikan bekalan meningkat dengan pantas untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

Kenaikan Indeks Harga Pengeluar Malaysia yang mengukur harga barang di pintu kilang kekal mencatatkan pertumbuhan dua digit dengan peningkatan sebanyak 11.0 peratus pada April 2022 berbanding 11.6 peratus pada Mac 2022. Peningkatan ini disumbangkan oleh indeks Perlombongan yang meningkat 18.4 peratus (Mac 2022: 28.2%). Indeks Pertanian, perhutanan & perikanan mencatatkan peningkatan 18.0 peratus (Mac 2022: 24.9%) didorong terutamanya oleh kenaikan dalam indeks bagi Penanaman tanaman kekal (23.8%) dan Perikanan (7.0%). Begitu juga, indeks Pembuatan meningkat 9.8 peratus berbanding 8.9 peratus pada Mac 2022, disokong oleh kenaikan dalam indeks subsektor Pembuatan produk petroleum bertapis (23.4%), Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (23.4%) dan Pembuatan kimia asas, baja & sebatian nitrogen, plastik & getah sintetik dalam bentuk primer (13.9%). Sementara itu, indeks Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas masing-masing meningkat 1.2 peratus dan 0.6 peratus.

Dari segi perbandingan bulan ke bulan, IHPR pengeluaran tempatan meningkat sederhana 0.2 peratus berbanding 2.4 peratus pada bulan sebelumnya. Kenaikan ini disumbangkan oleh indeks Pembuatan yang meningkat 1.4 peratus, dipacu oleh kenaikan dalam indeks bagi subsektor Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (3.6%), Pembuatan produk petroleum bertapis (2.4%) dan Pembuatan komponen & papan elektronik (1.0%). Walau bagaimanapun, kenaikan dalam IHPR pengeluaran tempatan pada April 2022 juga diimbangi dengan penurunan dalam indeks Pertanian, perhutanan & perikanan yang merekodkan negatif 2.9 peratus (Mac 2022: 8.6%) disebabkan oleh penurunan pada indeks Buah tandan segar kelapa sawit (-4.3%). Tambahan pula, indeks Perlombongan turut mencatatkan penurunan 6.6 peratus pada April 2022 (Mac 2022: 5.0%) diterajui oleh penurunan dalam indeks Minyak mentah (-8.6%). Selain itu, indeks Bekalan elektrik & gas dan Bekalan air masing-masing meningkat 0.7 peratus dan 0.2 peratus (**Jadual 5**).


Jadual 5: Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor, Malaysia

Sektor	Kod	Wajaran	Indeks	Perubahan Peratus (%)					
				Tahun ke Tahun			Bulan ke Bulan		
			April 2022	April 2021	Mac 2022	April 2022	April 2021	Mac 2022	April 2022
JUMLAH		100.00	122.6	10.6	11.6	11.0	0.8	2.4	0.2
Pertanian, perhutanan & perikanan	A	6.73	173.6	49.8	24.9	18.0	2.8	8.6	-2.9
Perlombongan	B	7.93	101.8	92.4	28.2	18.4	1.2	5.0	-6.6
Pembuatan	C	81.57	120.6	3.5	8.9	9.8	0.5	1.5	1.4
Bekalan elektrik & gas	D	3.44	117.8	-0.8	0.2	0.6	0.3	0.2	0.7
Bekalan air	E	0.33	113.8	1.2	1.7	1.2	0.6	0.1	0.2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

